

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4/2007

PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK BAGI TANAH-TANAH YANG TERTAKLUK DENGAN KOUTA JUALAN KEPADA BUKAN MELAYU

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung dengan Permohonan Kebebaran Pindahmilik di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 bagi tanah yang tertakluk dengan kuota jualan kepada Bukan Melayu dan Bukan Anak Kelantan.

2. Sebagaimana pihak tuan telah maklum, terdapat projek-projek tertentu samaada dijalankan oleh Agensi Kerajaan secara bersendirian atau secara usahasama dengan syarikat-syarikat swasta dan projek swasta sepenuhnya atau projek persendirian yang diberi kelulusan kouta jualan/pindahmilik kepada Bukan Melayu berdasarkan permohonan pemilik projek dengan jumlah kuota sebanyak 15% atau 30% ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3. Kuota jualan/pindahmilik tersebut ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan Pekeliling PTG.KN 3/1988 yang menjelaskan dengan sendiri maksudnya yang perlu dibaca bersama dengan penjelasannya melalui Pekeliling PTG.KN 5/2005.

4. Pejabat Pengarah Tanah Dan galian Negeri Kelantan telah diarah supaya mengambil perhatian kepada permohonan pindahmilik dari projek pembangunan yang mendapat kemudahan kuota jualan seperti di atas, khususnya bagi projek-projek pembangunan yang telah memenuhi kouta penjualan yang telah ditetapkan.
5. Sehubungan dengan itu, malalui arahan ini Pentadbir Tanah diingatkan supaya mana-mana permohonan pindahmilik/jualan bagi mana-mana tanah yang terlibat dengan kelulusan kuota pindahmilik/jualan seperti di para 2 dan 3 di atas, di mana kuota pindahmilik/jualannya telah habis digunakan tidak lagi diterima untuk dipertimbangkan bagi mendapat kelulusan pindahmilik dari Pihak Berkuasa Negeri.
6. Pentadbir Tanah hendaklah memberi perhatian kepada perkara ini, kerana terdapat permohonan yang sedemikian telah diterima sebelum ini untuk mendapat pertimbangan khusus setelah kuota pindahmilik telah habis digunakan. Ini untuk mengelakan beban kerja yang tidak sepatutnya diberi perhatian lagi tetapi telah mewujudkan satu kemestian yang perlu dipertimbangkan.
7. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG.KN 3/1988 dan Pekeliling PTG.KN 5/2005.

T.T

**(DATO' HJ. MOHD. JAMIL BIN MUHAMED)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN,
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU.

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.3 (4)

BERTARIKH : 26 FEBRUARI 2007